

PEMAHAMAN KONTRAKTOR MENGENAI PERUNTUKAN FASAL GANTI  
RUGI DITETAPKAN (LAD)

AB RASHID BIN JAFFAR

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Muda Ukur Bahan

Falkuti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

## PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmanirrahim.....*

*Alhamdulillah* dengan limpah rahmat dan kurnia dari-Nya dapat juga saya menyiapkan Projek Sarjana Muda ini.

Ucapan penghargaan terima kasih tidak terhingga dari saya kepada penyelia saya, En. Jamaludin Bin Yaakob yang telah banyak membantu saya dalam memberikan petunjuk dan tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga kepada En. Hafizuddin dan En. Arshad pegawai kanan CIDB Johor kerana membantu dalam membenarkan saya sepanjang proses pengedaran borang soal selidik di kursus anjuran CIDB.

Buat keluarga tercinta terima kasih kerana sentiasa menyokong saya sepanjang saya meneruskan pengajian di sini dan buat teman seperjuangan terima kasih kerana telah banyak memberi semangat dan bantuan secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan,

Diharapkan, usaha yang tidak seberapa ini dapat memberikan manfaat kepada industri pembinaan di negara ini.

*Sekian sahaja terima kasih...*

## ABSTRAK

Ganti rugi yang ditetapkan (LAD) merupakan satu terma dalam borang standard kontrak pembinaan. Ianya menimbulkan pelbagai pertikaian dan banyak kes perundangan. Oleh yang demikian, amatlah perlu kepada pihak berkontrak, terutamanya kontraktor untuk memahami dengan sebaiknya akan peruntukan fasal ini. Kontraktor selalu menganggap ganti rugi ialah penalti. Bagaimanapun, dalam undang-undang kontrak Malaysia, tiada perbezaan diantara penalti dan ganti rugi. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap pemahaman kontraktor mengenai peruntukan fasal ganti rugi yang ditetapkan, berkaitan dengan prinsip, fasal-fasal yang berkaitan dan hak-hak kontraktor terhadap fasal ganti rugi ini. Metodologi kajian yang dipilih adalah melalui borang soal selidik. Analisis data dapatan kajian menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) Versi 19*. Kajian ini menfokuskan kontraktor pelbagai kelas pendaftaran sebagai responden, kerana peruntukan fasal ganti rugi ditetapkan terdapat dalam semua projek pembinaan. Hasil analisis kajian mendapati, pemahaman kontraktor terhadap peruntukan fasal ganti rugi yang ditetapkan adalah pada tahap sederhana. Walaupun fasal ganti rugi ditetapkan hanyalah sebahagian daripada kontrak pembinaan, akan tetapi impak peruntukan fasal ini amat besar. Seringkali, kontraktor merancang penyiapan kerja mendahului dari tarikh penyiapan yang dinyatakan dalam kontrak bagi mengelakkan dari dikenakan tindakan bayaran ganti rugi. Akan tetapi, terdapat faktor-faktor lain sebagai penyebab kepada kelewatan.

## ABSTRACT

Liquidated and Ascertained Damages (LAD) is a term that is found in all standard forms of construction contract. This term has caused many legal problems. Therefore, it is necessary for the parties, especially the contractor, to understand this provision well. Contractors often interpret the clause as a penalty. However, in Malaysian contract law, there is no distinction between penalty and liquidated damages. The objective of this research is to determine the contractor's level of understanding relating to liquidated and ascertained damages clause, specifically regarding the compensation principle, its relationship with other clauses and contractor's right of under the clause. The methodology of this research is by collecting data using questionnaires from contractors. The data analysed using *Statistical Package for Social Science (SPSS) 19 Version*. The respondent of these research focuses on the various classes of contractor's registration, because the liquidated damages were set includes all construction projects. From the analysis, it is found that the contractors' understanding of the liquidated damages provisions clause is at a moderate level. Although the liquidated damages clause is a clause in construction contract, its impact is huge. Often, contractors plan to complete the work ahead of the completion date specified in the contract to avoid being subjected to payment of liquidated damages. However, there are other factors that cause delays.